

Ruj: UKMBEN/224/8 Jld 2
Tarikh: 26 Ogos 2015

PEKELILING BENDAHARI BIL: 8/2015

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian/Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENYEDIAAN BAJET OPERASI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2016

TUJUAN

1. Tujuan pekeliling adalah untuk memberi panduan penyediaan bajet kepada setiap pusat tanggungjawab (PTj) Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tahun kewangan 31 Disember 2016.

LATAR BELAKANG

2. Mengikut amalan sedia ada, kebiasaannya PTj perlu menyediakan anggaran belanjawan mengurus atau bajet tahunan yang dibuat berdasarkan permohonan keperluan mengikut tiga (3) dasar yang utama iaitu Dasar Sedia Ada, Dasar Baharu atau One-Off. Kaedah sedia ada yang dilaksanakan adalah sejajar dengan amalan semasa yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia dan agensi kerajaan lain yang memohon geran atau bantuan kerajaan.

3. Secara umum, UKM masih memerlukan bantuan geran kerajaan dan akan sentiasa memohon bantuan atau geran kerajaan samada untuk membiayai belanja mengurus atau pembangunan. Berdasarkan rekod kewangan untuk lima tahun terakhir, jelas terdapat penurunan peratusan sumber geran kerajaan yang disalurkan kepada UKM. Malah UKM sendiri telah diminta untuk meningkatkan keupayaan penjanaannya dalaman sendiri dan mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan.



MS ISO 9001:2008 Reg No. : AR 5779

Jadual 1: Maklumat Anggaran Belanjawan UKM

Tahun	Geran Kerajaan (RM)	Sumber Dalam (RM)	Jumlah (RM)	Emolumen (RM)	Bukan Emolumen (RM)
2012	515,300,000	60,000,000	575,300,000	378,000,000	197,300,000
2013	533,099,470	90,000,000	623,099,470	423,673,900	199,425,570
2014	559,295,038	120,000,000	679,295,037	483,742,688	195,552,349
2015	487,797,797	110,000,000	597,797,797	468,691,400	129,106,397
2016	578,238,000	135,000,000	713,238,000	527,398,000	185,840,000

4. Seajar dengan perubahan semasa, UKM juga perlu memikirkan cara untuk meningkatkan penjanaan pendapatan bagi menampung keperluan operasi setiap PTj. Sehubungan itu Jabatan Bendahari telah merancang untuk melakukan perubahan sistem penyediaan bajet tahunan di peringkat dalaman UKM yang berorientasikan penjanaan pendapatan. Kaedah penyediaan bajet yang sedang diamalkan sekarang ini akan dipinda dari permohonan bantuan atau peruntukan kewangan kepada menjana hasil sendiri untuk menampung keperluan operasi.

5. Bagi tahun 2016, UKM perlu menjana sekurang-kurangnya sebanyak RM135 juta seperti yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kewangan Malaysia semasa pemeriksaan bajet tahun 2016 yang lalu. Sehubungan itu, langkah untuk mengubah sistem pengurusan bajet yang menerapkan elemen keusahawanan dan konsep pelaburan jangka panjang yang menguntungkan dan mempunyai nilai tambah dalam menyampaikan perkhidmatan adalah amat diperlukan.

KAEDAH BAHARU PENYEDIAAN BAJET TAHUN 2016

6. Kaedah baharu penyediaan bajet tahun 2016 akan menekan beberapa insentif baharu dalam penjanaan pendapatan di antaranya:

- a. Memperkenalkan model pengagihan sumber atau peruntukan berdasarkan hasil yang dijana kepada PTj
- b. Menyediakan bantuan awal untuk menjalankan inisiatif baharu penjanaan
- c. Memperkenalkan konsep pelaburan dalam fasiliti yang menyokong aktiviti utama universiti dan mampu menjana pendapatan.

7. Insentif-insentif lain seperti penghargaan kepada kakitangan yang berjaya menjana kewangan, agihan keuntungan atas keterlibatan aktiviti penjana dan insentif khas kepada kakitangan masih di peringkat pertimbangan dan penelitian. Jabatan Bendahari sedang meneliti cadangan seperti kenaikan gaji dan pemberian bonus berdasarkan prestasi penjana dan mencadangkan agar prestasi penjana sebagai salah satu kriteria kenaikan pangkat dan pemberian cuti sabbatical bagi membenarkan kakitangan untuk terlibat dalam menjalankan aktiviti keushawanan universiti.

8. Memandangkan geran kerajaan yang akan diluluskan dijangka akan terus berkurangan pada tahun-tahun akan datang, geran kerajaan akan diasingkan dan diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Mengurus (KWM). Geran kerajaan akan dikhususkan untuk membiayai perkara asas yang penting dan utama yang telah diluluskan seperti emolumen, perhubungan dan utiliti, perbelanjaan penyelenggaraan atau apa-apa perbelanjaan yang diluluskan secara khusus samada dalam bentuk One-Off atau peruntukan khas. Ini bermakna peruntukan yang akan diagihkan kepada PTj dalam bentuk Dasar Sedia Ada secara umumnya hanyalah terdiri daripada:

- a. B10000 Emolumen
- b. B23000 Perhubungan & Utiliti
- c. B28000 Penyelenggaraan & Naiktaraf Kemudahan dan Bangunan
- d. B29000 Emolumen kakitangan kontrak,
- e. A35000 Pembelian Harta Modal, dan apa-apa peruntukkan *one-off* yang diluluskan

Kos di atas ini boleh dianggap sebagai kos overhead atau kos tidak langsung kerana sukar untuk dikenalpasti secara terus kepada kos program/aktiviti. Universiti akan mencari beberapa kaedah untuk memastikan kos tidak langsung ini dapat diagihkan kepada aktiviti di PTj. Misalnya, pemasangan meter air dan elektrik mengikut PTj, mengenakan sewaan bagi ruang yang digunakan oleh setiap PTj atau mengenakan kos penyelenggaraan secara khusus mengikut PTj.

9. Bagi meneruskan aktiviti atau program, PTj perlu merancang bagaimana untuk menghasilkan atau menjalankan aktiviti penjana terutamanya fakulti dan pusat kecemerlangan dan seterusnya membiayai aktiviti/program yang dijalankan. Sehubungan itu, setiap PTj perlu memikirkan sumber dan jumlah hasil yang perlu dijana dan dalam konteks penyediaan bajet tahun 2016, setiap PTj perlu membuat beberapa unjuran yang penting iaitu:

a. Unjuran pendapatan yang mampu dijana sendiri

Setiap PTj perlu menilai dan membuat perkiraan terperinci penjanaaan yang boleh dilakukan. PTj perlu menyenaraikan aktiviti atau sumber penjanaaan yang boleh diambilkira dalam membuat unjuran seperti:

- i. H72000 Yuran Pengajian Pelajar (aktiviti pengajaran dan pembelajaran)
- ii. H72000 Yuran Penginapan Kolej Kediaman (pengurusan kolej)
- iii. H74000 Sewaan Ruang, Bangunan, Peralatan dan Kemudahan (pengurusan sewaan)
- iv. H73000 Jualan Barang dan Perkhidmatan (pengurusan perkhidmatan makmal)
- v. H72400 Yuran Latihan & Persidangan atau Lebihan Keuntungan persidangan
- vi. H72400 Caj Kos Overhead Projek Penyelidikan/Perundingan
- vii. H75000 Hasil Pelaburan (jika ada)
- viii. H76000 Lain-lain Pendapatan seperti denda dan hukuman. Setiap PTj akan diberi sasaran tertentu dan merupakan salah satu petunjuk prestasi utama yang perlu dicapai setiap tahun.

b. Unjuran kos langsung yang terlibat dalam menghasilkan pendapatan

PTj perlu membuat unjuran kos langsung secara terperinci iaitu kos langsung yang boleh dikaitkan atau diperlukan dalam menjalankan aktiviti penjanaaan di atas. Mengikut amalan perakaunan, kos ini boleh dikategorikan mengikut vot-vot perbelanjaan seperti berikut:

- i. B21100 Perjalanan dan Sarahidup Dalam Negeri
- ii. B21200 Perjalanan dan Sarahidup Luar Negeri
- iii. B23000 Perhubungan dan Utiliti
- iv. B24000 Sewaan
- v. B27000 Bekalan dan Bahan
- vi. B28100 Penyelenggaraan Kecil
- vii. B29000 Perkhidmatan Ikhtisas
- viii. B29300 Emolumen Kakitangan Kontrak
- ix. A35000 Pembelian Harta Modal (rujuk para 7d)
- x. B40000 Pemberian dan Kenaan
- xi. B50000 Lain-lain Perbelanjaan

c. Unjuran keuntungan yang mampu dijana

PTj seterusnya dikehendaki membuat pengiraan untung/rugi iaitu unjuran lebihan atau kekurangan pendapatan yang dijana berbanding perbelanjaan setelah unjuran pendapatan dan perbelanjaan disediakan. Memaksimakan keuntungan adalah sesuatu yang utama dan pada penghujung tahun 2015, PTj akan dikelaskan kepada beberapa kategori yang menunjukkan kemampuan penjana mereka kepada beberapa kategori seperti:

- i. Pusat Keuntungan iaitu PTj yang mampu menyumbang semula kepada universiti dengan signifikan dan mampu membayar kos overhead yang ditanggung oleh universiti
- ii. Pusat Keuntungan Berpotensi iaitu PTj yang mampu menjana sendiri tetapi tidak cukup memberi sumbangan balik kepada universiti untuk menampung kos overhead
- iii. Pusat Kos iaitu PTj yang tidak mampu menjana dengan signifikan malah memerlukan bantuan kewangan dari universiti.

d. Unjuran keperluan perbelanjaan modal seperti pembelian harta modal yang mustahak untuk penjana kewangan

PTj juga dibenarkan membuat unjuran pembelian harta modal jika keperluan ini benar-benar ada dan diperlukan bagi membantu menghasilkan penjana atau tanpa pembelian harta modal ini aktiviti penjana tidak dapat dibuat atau akan menjejaskan kualiti sesuatu aktiviti/program. Melalui kaedah ini juga PTj dapat mengurangkan kebergantungan pembelian harta modal melalui sumber kerajaan.

Sebarang cadangan atau keperluan pembelian harta modal ini perlu disokong dengan unjuran pendapatan yang akan dihasilkan. Konsep pelaburan dalam pembelian harta modal ini akan diterapkan dan akan dinilai dari segi jangkaan tempoh bayaran balik dan pulangan atas pelaburan.

Sila rujuk format penyediaan unjuran bajet tahun 2016 seperti di Lampiran 1.

10. PTj perlu memastikan unjuran pendapatan dan kewangan adalah munasabah dan mampu dicapai. PTj perlu menilai unjuran pendapatan pada tahap yang optimum yang boleh dicapai dan tidak terlalu tinggi dan sukar dicapai atau sebaliknya, iaitu terlalu rendah hingga menyebabkan tidak mampu menampung kos langsung atau perbelanjaan yang dirancang. Malah PTj boleh merangka strategi baharu yang bersesuaian dan mengkaji semula kadar-kadar yang sedang digunapakai serta membuat cadangan kadar baharu yang lebih kompetitif. PTj juga perlu merangka strategi bagaimana peningkatan pelajar dapat dibuat dan memperkenalkan program atau aktiviti baharu yang lebih menguntungkan.

11. PTj juga perlu mengawal perbelanjaan seperti dirancang dan pada masa yang sama perlu memastikan sasaran hasil penjanaan dapat dicapai bagi mengelakkan defisit pada hujung tahun. Semakan semula bajet tahunan akan dibuat setiap tiga (3) bulan sekali oleh pihak pengurusan Universiti bersama setiap ketua PTj. Sebarang perubahan dalam unjuran pendapatan dan perbelanjaan boleh dikemukakan untuk kelulusan.

12. Bagi PTj yang bersifat memberikan perkhidmatan sokongan kepada aktiviti utama universiti dan tidak mempunyai asas atau keupayaan untuk menjana pendapatan sendiri akan diberikan peruntukan samada menggunakan geran kerajaan atau lebihan sumber dalaman yang dijana oleh PTj lain. Namun PTj sokongan seperti ini juga tidak boleh mengelakkan untuk tidak menjalankan aktiviti penjanaan pendapatan. Bagi PTj yang tidak berupaya menjana pendapatan dan membiayai operasinya menggunakan sumber pendapatan dalaman, akan diberi bantuan atau dibiayai samada menggunakan geran kerajaan atau sumber dalaman lain. Jumlah bantuan atau geran kerajaan adalah berdasarkan keperluan dan komitmen semasa. Permohonan tambahan akan diberikan secara berperingkat jika terdapat keperluan tambahan dengan mengemukakan justifikasi kukuh.

13. Sehubungan dengan perubahan sistem pengurusan bajet ini, Jabatan Bendahari telah mewujudkan Kumpulan Wang Hasil (KWH) bagi tujuan mengakaunkan sumber pendapatan dan perbelanjaan langsung setiap aktiviti penajaan yang akan dilaksanakan oleh setiap PTj. Kelulusan bajet Kumpulan Wang Hasil akan diluluskan berdasarkan unjuran pendapatan dan perbelanjaan yang disediakan oleh setiap PTj. Melalui penggunaan Sistem Kewangan dan Perakaunan Universiti (UFAST), PTj akan berupaya memantau pendapatan dan perbelanjaan masing-masing melalui akaun-akaun yang disediakan dalam Kumpulan Wang Hasil ini.

14. Jabatan Bendahari juga telah mewujudkan Kumpulan Wang Enterprise atau Perniagaan (KWE) bagi tujuan mengakaunkan aktiviti perniagaan yang lebih berautonomi. Pada masa ini hanya Pusat Kembangan Pendidikan (PKP) dan UKM *Graduate School of Business* (UKM-GSB) sahaja diakaunkan di bawah KW Enterprise ini.

PERUNTUKAN EMOLUMEN KAKITANGAN TETAP DAN KONTRAK

15. Keperluan peruntukan emolumen bagi setiap PTj untuk jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan diselaraskan berdasarkan waran perjawatan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UKM. Segala perancangan pengambilan dan pengisian perlu diselaraskan berdasarkan vot perjawatan yang diluluskan. Peruntukan emolumen ini akan dibiayai oleh geran kerajaan sebagai Dasar Sedia Ada UKM dan diagihkan kepada setiap PTj seperti amalan sebelum ini. Jika berlaku kekurangan geran kerajaan, jumlah ini akan dibiayai sepenuhnya dari KW Hasil.

16. Perlantikan kakitangan kontrak menggunakan vot B29300 adalah bergantung kepada jumlah yang akan diluluskan oleh Kementerian Kewangan di bawah dasar One-Off dan akan dibiayai menggunakan geran kerajaan. Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar akan menyelaraskan keperluan untuk melantik kakitangan kontrak yang secara umumnya dibuat mengikut peruntukan yang diluluskan sahaja. Peruntukan ini akan disalurkan kepada setiap PTj yang diluluskan sahaja di dalam dasar One-Off seperti amalan sebelum ini.

17. Bagi PTj yang menghadapi masalah kekurangan kakitangan, boleh memohon untuk melantik kakitangan kontrak menggunakan peruntukan KW Hasil atau KW Enterprise. Ini bermakna pihak PTj boleh memasukkan kos emolumen kakitangan kontrak ini sebagai salah satu kos atau perbelanjaan yang akan ditanggung menggunakan pendapatan yang akan dijana. PTj perlu memastikan jumlah pendapatan yang diunjurkan adalah mampu menampung kos emolumen kakitangan yang hendak dilantik dan tidak menyebabkan berlakunya defisit atau lebih perbelanjaan.

18. Namun semua urusan dan kuasa melantik kakitangan adalah masih di bawah penyeliaan Bahagian Sumber Manusia. Setiap permohonan perjawatan tambahan baharu menggunakan peruntukan KW Hasil perlu mendapat perakuan atau sokongan Jabatan Bendahari terlebih dahulu.

19. Keperluan peruntukan elaun lebih masa boleh dibuat dan dimasukkan di dalam KW Hasil bagi PTj yang mempunyai sumber pendapatan sendiri dan kerja-kerja lebih masa adalah berkaitan dengan aktiviti penjanaan tersebut. Bagi PTj yang tidak mampu, peruntukan elaun kerja lebih masa adalah terhad kepada geran kerajaan yang diluluskan kepada setiap PTj.

20. Keputusan membayar bonus tahunan juga akan dikaji semula dan secara prinsipnya, geran kerajaan tidak diperuntukkan untuk tujuan pembayaran bonus. Maka adalah menjadi tanggungjawab semua PTj bekerjasama mencapai sasaran penjanaan dan keuntungan masing-masing bagi memastikan pembayaran bonus dapat dibuat setiap tahun.

KEPERLUAN PERUNTUKAN PERBELANJAAN MODAL DAN PEMBANGUNAN

21. Keperluan peruntukan untuk membuat perbelanjaan modal dan pembangunan atau projek yang signifikan dan tidak mampu ditampung hasil atau pendapatan yang dijana secara dalaman hendaklah disediakan secara berasingan. Permohonan peruntukan projek adalah sentiasa dibuka dan PTj perlu menyediakan butiran lengkap dan perancangan yang jelas keperluan projek. Setiap cadangan projek yang signifikan akan dikaji dan dibentangkan di peringkat tertinggi untuk diputuskan samada untuk dilaksanakan atau sebaliknya.

22. Kelulusan untuk pembiayaan projek ini adalah bergantung kepada keupayaan pembayaran balik dari pendapatan yang dijana untuk tempoh jangka masa panjang, pulangan atas pelaburan dan impaknya kepada pembangunan universiti.

23. Memandangkan dana atau sumber kewangan terhad atau keupayaan kewangan universiti tidak mengizinkan, projek yang berpotensi akan dibiayai samada secara kerjasama dengan pihak swasta, pinjaman atau dimasukkan dalam permohonan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke 11.

JADUAL DAN TARIKH PENTING UNTUK DIIKUTI

24. Berikut adalah jadual dan tarikh penting yang perlu diikuti oleh semua PTj dalam menyediakan Bajet Tahun 2016

Bil.	Perkara	Tarikh Sasaran Akhir	Tindakan
a.	Taklimat dan Penerangan kepada PTj	15 September 2015	Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari
b.	Penyediaan Unjuran Pendapatan dan Perbelanjaan serta keuntungan	15 Oktober 2015	Semua PTj
c.	Pembentangan dan Pemeriksaan Unjuran Bajet Oleh PTj kepada Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari	31 Oktober 2015	PTj dan Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari
d.	Mendapatkan Perakuan Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU)	15 November 2015	Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari
e.	Mendapatkan Kelulusan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK)	30 November 2015	Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari
f.	Kemasukan maklumat bajet yang diluluskan ke dalam sistem UFAST	31 Disember 2015	Unit Belanjawan, Jabatan Bendahari

25. Memandangkan penyediaan bajet kali ini memerlukan maklumat dan pengiraan yang mempunyai asas tertentu, PTj adalah digalakan mendapatkan khidmat nasihat dan panduan dari unit atau bahagian berkaitan. PTj perlu merujuk kepada data dan maklumat yang tepat seperti bilangan pelajar, maklumat mengenai kadar yuran termasuk kadar mengikut fakulti, maklumat ruang yang disewakan dan kadar sewaan yang sedang berkuatkuasa. Sila hubungi pegawai berikut jika ada maklumat yang diperlukan.

- a. Unit Belanjawan
En. Zul Azri Hassan
Emel: zulazri@ukm.edu.my
Telefon: 03-89214286
- b. Unit Kewangan Pelajar
En. Mokhsin Bin Tumin
Emel: mokshin@ukm.edu.my
Telefon: 03-89214545
- c. Pusat Khazanah UKM
En. Muiz bin Sahfei
Emel: muizsheafi@ukm.edu.my
Telefon: 03-89215205
- d. Pusat Pengurusan Akademik
Pn. Nurul Safaniza Binti Che Ani
Emel: nieza@ukm.edu.my
Telefon: 03-89210466

TARIKH KUATKUASA DAN HAD PENGGUNAAN PEKELILING

26. Pekeliling ini hendaklah diikuti oleh semua Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan di UKM sahaja dan tidak termasuk PTj yang menjalankan perkhidmatan operasi Hospital Canselor Tuanku Muhriz. Bagi entiti yang dikelaskan di bawah KW Enterprise iaitu PKI dan UKM-GSB perlu menyediakan bajet tahunan secara berasingan untuk keperluan Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK).

27. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta bermula dari tarikh pekeling ini dikeluarkan.

Sekian Terima Kasih

"AKAUNTABILITI PEGANGAN KITA"

Yang Benar,



KHALIJAH HJ BAKAR
Pemangku Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Salinan Kepada:

Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselori (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM

Timbalan Naib Canselori (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM

Timbalan Naib Canselori (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM

Timbalan Naib Canselori (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat) UKM

Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM

Lampiran 1 : Pengiraan Unjuran Hasil dan Belanja Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/jabatan

PTJ: (Fakulti/Pusat/Institut)	
Sub PTJ: (Pusat pengajian/jabatan/Unit)	



Bil.	Program/Aktiviti					RM	Catatan
1	Yuran Program P&P						
	a. H72202 - Ijazah Pertama (Warganegara)					-	Lampiran 1a
	b. H72330 - Ijazah Pertama (Bukan Warganegara)					-	Lampiran 1a
	b. H72376 - Pascasiswazah (Master)					-	Lampiran 1a
	c. H72353 - Pascasiswazah (PhD)					-	Lampiran 1a
	d. H72200 - Yuran Khas Program Akademik						
	a. H72282 - Program Khas Antarabangsa					-	Lampiran 1a
	b. Program Khas IDFR/...					-	Lampiran 1a
	c. Program Khas KPDK					-	Lampiran 1a
2	Yuran Penginapan Kolej						
	a. H74200 - Sewaan Dalam semester					-	Lampiran 1b
	b. H74200 - Sewaan Luar Semester					-	Lampiran 1b
	c. H74200 - Sewaan Pihak Luar					-	Lampiran 1b
	d. H74203 - Sewaan Khas					-	Lampiran 1b
3	H742246 - Perkhidmatan Makmal dan Peralatan						
	a. Perkhidmatan Analisis XYZ						Lampiran 1c
	b. Ujian....					-	Lampiran 1c
4	Sewaan Kemudahan/Ruang/Peralatan						
	a. H74201 - Sewaan Dewan A					-	Lampiran 1d
	b. H74206 - Sewaan Makmal					-	Lampiran 1d
	c. H74503 - Sewaan Peralatan					-	Lampiran 1d
	d. H74501 - Sewaan Mesin ATM/ Vending Machine					-	Lampiran 1d
5	Pelbagai Aktiviti Jualan Barang dan Perkhidmatan						
	a. H73101 - Jualan Buku					-	Lampiran 1e
	b. H73203 - Jualan Bahan Kitar Semula					-	Lampiran 1e
6	H75403 - Pendapatan Pelaburan						
7	H72407 - Hasil lebih kursus/seminar/persidangan yang dianjurkan						
JUMLAH PENDAPATAN (1 + 2+ 3 +4 +5+6+7)							

Pengiraan Unjuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/jabatan

Program/Aktiviti	P&P	Penginapan Kolej	Perkhidmatan Makmal & Peralatan	Sewaan	Jualan Barang & Perkhidmatan	Jumlah (RM)	Catatan
	Lampiran 1a	Lampiran 1b	Lampiran 1c	Lampiran 1d	Lampiran 1e		
B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri	-	-	-	-	-		
B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri	-	-	-	-	-		
B23100 - Perhubungan	-	-	-	-	-		
B23200 - Utiliti	-	-	-	-	-		
B24100 - Sewaan	-	-	-	-	-		
B27100 - Bekalan Pakai Habis	-	-	-	-	-		
B27200 - Bekalan Pengajaran	-	-	-	-	-		
B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan	-	-	-	-	-		
B27400 - Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan	-	-	-	-	-		
B27500 - Bekalan Pakaian	-	-	-	-	-		
B27900 - Inventori	-	-	-	-	-		
B28100 - Penyelenggaraan Bangunan	-	-	-	-	-		
B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti	-	-	-	-	-		
B29100 - Perkhidmatan yang dibeli	-	-	-	-	-		
B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid	-	-	-	-	-		
B29300 - Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan	-	-	-	-	-		
B29400 - Keraian & Honorium	-	-	-	-	-		
B42100 - Kegiatan Mahasiswa	-	-	-	-	-		
B52100 - Lain-lain Perbelanjaan	-	-	-	-	-		
A35100 - Pembelian Harta Modal	-	-	-	-	-		
JUMLAH PERBELANJAAN							

LEBIHAN/(KURANGAN)

Lampiran 1a :
Pengiraan Unjuran Hasil Penilaian Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	Bil Pelajar	Kadar Yuran	Bil. Semester	Anggaran Hasil	Catatan
1	Yuran Program P&P	-	-	-	-	
	a. H72202 - Ijazah Pertama (Warganegara)					
	b. H72330 - Ijazah Pertama (Bukan Warganegara)					
	b. H72376 - Pascasiswazah (Master)					
	c. H72353 - Pascasiswazah (PhD)					
	d. H72200 - Yuran Khas Program Akademik					
	a. H72282 - Program Khas Antarabangsa (FEP/FTSM)					
	b. Program Khas IDFR/...					
	c. Program Khas KPDK					
JUMLAH PENDAPATAN						

Pengiraan Unjuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	Bil Pelajar	Kadar Yuran	Bil. Semester	Anggaran Kos	(Penyeliaan Latihan Amali)
1	Program P&P					
	B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri					
	B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri					
	B23100 - Perhubungan					
	B23200 - Utiliti					
	B24100 - Sewaan					
	B27100 - Bekalan Pakai Habis					
	B27200 - Bekalan Pengajaran					
	B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan					
	B27400 - Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan					
	B27500 - Bekalan Pakalan					
	B27900 - Inventori					
	B28100 - Penyelenggaraan Bangunan					
	B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti					
	B29100 - Perkhidmatan yang dibeli					
	B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid					
	B29300 - Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan					
	B29400 - Keraian & Honorium					
	B42100 - Kegiatan Mahasiswa					
	B52100 - Lain-lain Perbelanjaan					
	A35100 - Pembelian Harta Modal					
JUMLAH PERBELANJAAN						

Lampiran 1b:
Pengiraan Unjuran Hasil Penijanaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	Bil Penginap	Kadar	Tempoh	RM
2	Yuran Penginapan Kolej				
	a.H74200 - Sewaan Dalam semester				
	b.H74200 - Sewaan Luar Semester (1st)				
	b.H74200 - Sewaan Luar Semester (2nd)				
	c. H74200 - Sewaan Pihak Luar				
	d. H74203 - Sewaan Khas				
	Bilik Seminar				
	Bilik Bengkel				
	Audio				
	JUMLAH				

Pengiraan Unjuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti				RM
2	Belanja Mengurus Kolej				
	B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri				
	B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri				
	B23100 - Perhubungan				
	B23200 - Utiliti				
	B24100 - Sewaan				
	B27100 - Bekalan Pakai Habis				
	B27200 - Bekalan Pengajaran				
	B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan				
	B27400 - Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan				
	B27500 - Bekalan Pakaian				
	B27900 - Inventori				
	B28100 - Penyelenggaraan Bangunan				
	B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti				
	B29100 - Perkhidmatan yang dibeli				
	B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid				
	B29300 - Bayaran Pekerja Kontrak/Sambilan				
	B29400 - Keraian & Honorium				
	B42100 - Kegiatan Mahasiswa				
	B52100 - Lain-lain Perbelanjaan				
	A35100 - Pembelian Harta Modal				
	JUMLAH				

Lampiran 1c:
 Pengiraan Unjuran Hasil Penjanaaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	Bil Ujian/Sebulan	Kadar Asas	Unjuran Setahun	RM
3	Perkhidmatan Makmal dan Peralatan				
	a. Perkhidmatan Analisis XYZ				
	Bil Ujian/Sebulan				
	b. Ujian....				
	JUMLAH				

Pengiraan Unjuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti Perkhidmatan Makmal & Peralatan				RM
3	Kos Langsung Perkhidmatan Makmal				
	B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri				
	B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri				
	B23100 - Perhubungan				
	B23200 - Utiliti				
	B24100 - Sewaan				
	B27100 - Bekalan Pakai Habis				
	B27200 - Bekalan Pengajaran				
	B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan				
	B27400 - Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan				
	B27500 - Bekalan Pakaian				
	B27900 - Inventori				
	B28100 - Penyelenggaraan Bangunan				
	B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti				
	B29100 - Perkhidmatan yang dibeli				
	B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid				
	B42100 - Kegiatan Mahasiswa				
	B52100 - Lain-lain Perbelanjaan				
	A35100 - Pembelian Harta Modal				
	JUMLAH				

Lampiran 1d:
 Pengiraan Uniuran Hasil Penilaian Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	Bil. Machine	Kadar/bulan	Bil. Bulan	RM
4	Sewaan Kemudahan/Ruang/Peralatan				
	a. H74201 - Sewaan Dewan A				
	b. H74206 -Sewaan Makmal				
	c. H74503 -Sewaan Peralatan				
	d.H74501 - Sewaan Mesin ATM/ Vending Machine				
	Mesin Air (RO)			12	RM -
	Mesin Minuman tin			12	RM -
	Mesin Basuh			12	RM -
	Mesin ATM			12	RM -
	JUMLAH				

Pengiraan Uniuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti Sewaan/ Kemudahan/Ruang/Peralatan	RM
4	Kos Langsung Sewaan	
	B21100 - Perjalanan/Sarahidup dalam negeri	
	B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri	
	B23100 - Perhubungan	
	B23200 - Utiliti	
	B24100 - Sewaan	
	B27100 - Bekalan Pakai Habis	
	B27200 - Bekalan Pengajaran	
	B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan	
	B27400 - Bekalan Riadah,Sukan dan Kebudayaan	
	B27500 - Bekalan Pakaian	
	B27900 - Inventori	
	B28100 - Penyelenggaraan Bangunan	
	B28200 - per Air	
	B29100 - Per Elektrik	
	B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid	
	B42100 - Kegiatan Mahasiswa	
	B52100 - Lain-lain Perbelanjaan	
	A35100 - Pembelian Harta Modal	
	JUMLAH	0

Lampiran 1e:
Pengiraan Unjuran Hasil Penilaian Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti	RM	RM
5	Pelbagai Aktiviti Jualan Barang dan Perkhidmatan		
	a. H73101 - Jualan Buku		
	b. H73203 - Jualan Bahan Kitar Semula		
	JUMLAH		

Pengiraan Unjuran Kos Langsung Perbelanjaan Pusat Tanggung Jawab Fakulti/Pusat/Institut/Jabatan

Bil.	Program/Aktiviti Sewaan Kemudahan/Ruang/Pelatihan	RM	RM
5	Kos Langsung Aktiviti Jualan		
	B21100 - Perjalanan/Sarahidup Dalam Negeri		
	B21200 - Perjalanan/Sarahidup Luar Negeri		
	B23100 - Perhubungan		
	B23200 - Utiliti		
	B24100 - Sewaan		
	B27100 - Bekalan Pakai Habis		
	B27200 - Bekalan Pengajaran		
	B27300 - Bekalan Bahan Perpustakaan		
	B27400 - Bekalan Riadah, Sukan dan Kebudayaan		
	B27500 - Bekalan Pakaian		
	B27900 - Inventori		
	B28100 - Penyelenggaraan Bangunan		
	B28200 - penyelenggaraan kemudahan/fasiliti		
	B29100 - Perkhidmatan yang dibeli		
	B29200 - Perkhidmatan Percetakan dan Menjilid		
	B42100 - Kegiatan Mahasiswa		
	B52100 - Lain-lain Perbelanjaan		
	A35100 - Pembelian Harta Modal		
	JUMLAH		